

Tafsiran Peruntukan Kesalahan Bersekediaman dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991

The Interpretation of cohabitation offences under the Syariah
Offences Enactment (Melaka state) 1991

ZURUL IMAN ZAKARIA
ZAINI NASOHAH

ABSTRAK

Pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah sering menjadi polemik dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Undang-undang jenayah Syariah perlu dijalankan secara berhemah, teliti dan berhati-hati agar tidak menimbulkan tohmahan dan fitnah daripada masyarakat serta memastikan pelaksanaannya memberi penekanan kepada prinsip keadilan. Antara isu yang menyebabkan undang-undang jenayah Syariah tidak dapat dilaksanakan dengan baik ialah perbezaan pengamal undang-undang dalam mentafsirkan peruntukan undang-undang sedia ada. Tafsiran peruntukan kesalahan perlu kerana peruntukan yang dinyatakan adalah bersifat umum, tidak menjelaskan maksud sebenar dan elemen-elemen yang membentuk sesuatu kesalahan. Selain itu, keperluan kepada tafsiran adalah disebabkan latarbelakang yang berbeza dalam kalangan pengamal undang-undang yang terlibat iaitu Pegawai Penguatkuasa Agama, Pendakwa Syarie dan Hakim Syarie. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan mengkaji tafsiran peruntukan bagi kesalahan bersekediaman yang terdapat dalam Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan pendekatan analisis dokumen dan temubual separa struktur dalam pengumpulan data. Data-data dianalisis secara tematik dan deskriptif. Hasil kajian dapat menerangkan secara terperinci maksud-maksud serta elemen-elemen yang terdapat dalam peruntukan kesalahan bersekediaman. Kajian ini dapat membantu pihak berkuasa, pengamal undang-undang dan Mahkamah Syariah dalam menjalankan penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah.

Kata kunci: Jenayah Syariah; bersekediaman; tafsiran

ABSTRACT

The implementation of Syariah criminal law enforcement in Malaysia often invites negative comments and polemic among the Muslim society. Shariah criminal law must be treated with prudence, caution and carefull so as not to provoke criticism and slander from the public and to ensure that its enforcers emphasize the principles of justice. One of the issues that makes Syariah criminal law unsuccessful is that practitioners portray differences in interpreting existing legal provisions. The interpretation of the provision is necessary because the provisions stated are general, do not explain the actual meaning and the elements that constitute the offense. In addition, the need for interpretation is due to different backgrounds among the legal practitioners involved likes Religious Enforcement Officers, Syariah Prosecutors and Syariah Judges. Accordingly, this study aimed to examine the interpretation of cohabitation offences under the Syariah Offences Enactment (Melaka state) 1991. This study is a qualitative study using a document analysis approach and semi-structured interviews in data collection. The data were analyzed thematically and descriptively. The results of this study are able to illustrate in detail the meanings and elements of the provision of cohabitation. This study can assist the authorities, legal practitioners and Syariah Courts in enforcing Shariah criminal law enforcement.

Keywords: Shariah criminal law, Cohabitation, Interpretation

PENDAHULUAN

Al-Quran dan Hadis merupakan sumber utama bagi penyariatan undang-undang Islam melalui wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT. Setiap penyariatan yang digariskan oleh syarak adalah

selaras dengan fitrah dan kehidupan manusia. Skop syariat dalam kehidupan manusia adalah luas dan menyeluruh meliputi soal ibadah, kekeluargaan, jenayah, muamalat, siasah dan lain-lain (Yusof Al-Qaradawi 1998). Undang-undang Islam disyariatkan bagi memelihara Maqasid Syariah iaitu menjaga

agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Maqasid Syariah perlu difahami oleh setiap Muslim yang merupakan tujuan atau makna dikehendaki syarak dalam pensyariatian hukum-hakam bagi menjaga kemaslahatan manusia (Zulkifly Muda 2010). Dalam perundangan Islam, Maqasid Syariah menjadi tunjang dan asas kepada pensyariatian undang-undang jenayah Islam yang berteraskan kepada hudud, qisas dan takzir dalam memelihara kemaslahatan umat Islam keseluruhannya.

Di Malaysia, undang-undang jenayah Syariah telah lama dilaksanakan selari dengan perkembangan agama Islam. Perundangan Islam adalah merupakan sebahagian daripada asas undang-undang negara (Hussin Che pa et al. 2016). Sejarah membuktikan undang-undang jenayah Syariah di Malaysia telah lama dilaksanakan melalui penemuan Batu Bersurat bertarikh 22 Februari 1303M dan Hukum Kanun Melaka berkaitan kesalahan jenayah Syariah melibatkan hudud, diyat, qisas dan takzir (Paizah Hj Ismail 2007). Undang-undang jenayah Syariah terus melalui beberapa fasa perkembangan daripada negara belum merdeka sehingga mencapai kemerdekaan pada Tahun 1957. Pada awalnya, kebanyakan peruntukan berkaitan jenayah Syariah adalah di bawah enakmen pentadbiran Islam negeri-negeri dan tidak mempunyai enakmen secara khusus (Zulkifli Hassan 2008). Selepas kemerdekaan, skop perundangan Islam adalah berteraskan kepada Perlembagaan Persekutuan (Alias Azhar & Mohammad Azam Hussain 2012) iaitu berasaskan sistem perundangan dualisme iaitu Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah (Siti Zubaidah Ismail 2014; Musa Awang 2015). Setiap mahkamah adalah berfungsi mengikut sepertimana yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Fungsi Mahkamah Syariah adalah di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Agama Islam negeri-negeri selaras dengan bidangkuasa berkaitan hal ehwal Islam adalah di bawah negeri-negeri termasuk undang-undang jenayah Syariah sepertimana dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan dan masih berterusan sehingga kini.

Perlaksanaan undang-undang jenayah Syariah di Malaysia tidak lekang daripada kritikan dan persepsi negatif masyarakat. Kritikan ini disebabkan masyarakat menganggap undang-undang jenayah Syariah adalah mencampuri urusan peribadi (Ibrahim Deris & Hanifah Haidar 2015; Alias Azhar 2018) kerana jenayah Syariah merupakan jenayah tanpa mangsa (Siti Zubaidah Ismail 2008; Siti Zubaidah

Ismail 2014; Ibrahim Deris & Hanifah Haidar 2015) iaitu tidak melibatkan sebarang kerugian dan tidak menyentuh kepentingan pihak lain. Selain itu, masyarakat menganggap ianya bertentangan dengan prinsip kebebasan dan hak asasi manusia (Syed Salim Syed Shamsuddin & Hasnizam Hashim 2017). Kritikan-kritikan terhadap badan pelaksana undang-undang jenayah Syariah seperti tidak menjalankan tugas dengan berhemah dan profesional, tidak adil, melanggar hak asasi manusia dan tidak mengikut undang-undang merupakan antara kritikan dilemparkan oleh masyarakat. Selain itu, peruntukan sedia ada dalam undang-undang jenayah tidak terlepas daripada kritikan disebabkan ketidakseragaman peruntukan dan hukuman di antara negeri-negeri serta menganggap ianya sebagai tidak praktikal, lapuk, kabur, lemah dan tidak menyeluruh bagi menangani perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan Hukum Syarak dan akhlak.

Undang-undang jenayah Syariah merupakan undang-undang bertulis yang hanya menyatakan secara umum sahaja (Jasri Jamal 2014; Azizah Mat Rashid et al. 2015), kabur dan tidak jelas (Mohamad Azri & Mohd AlAdib 2017). Undang-undang bertulis yang tidak jelas dan terang maknanya memerlukan tafsiran kerana terdapat perkataan yang mungkin mempunyai lebih daripada satu makna dan perlu diputuskan makna mana yang akan digunapakai. Ini disebabkan oleh bahasa yang digunakan dalam undang-undang adalah terhad (Tajul Aris, Mohd. Hisham & Farid Sufian; 2005) dalam menyerlahkan tujuan sesuatu undang-undang digubal. Selain itu, undang-undang bertulis tidak dapat dibuat secara terperinci kerana penggubal undang-undang tidak dapat menjangkakan kemungkinan yang berlaku akibat daripada pemakaian bagi sesuatu undang-undang yang berkuatkuasa (Tajul Aris, Mohd. Hisham & Farid Sufian 2005). Antara sebab lain yang perlunya kepada tafsiran adalah disebabkan sistem penentangan dalam kepeguaman di mana pihak-pihak yang bertelingkah akan mengemukakan tafsiran tersendiri yang menyebelahi kes masing-masing. Dalam hal ini, tafsiran yang terbaik terhadap sesuatu peruntukan perlu dipilih.

Selain itu, tafsiran peruntukan juga penting bagi memudahkan hakim Syarie membuat keputusan yang adil dan saksama selaras dengan prinsip-prinsip utama hukuman undang-undang Islam iaitu menegakkan keadilan (Musa Awang 2015). Peruntukan kabur dan lemah yang terdapat dalam undang-undang jenayah Syariah menyebabkan

berlakunya perbezaan pemahaman dalam kalangan pengamal undang-undang. Perbezaan pemahaman memerlukan kepada suatu tafsiran bagi memudahkan pelaksanaan serta memastikan undang-undang jenayah Syariah tidak ditafsirkan sewenang-wenangnya atau dengan sesuka hati oleh pengamal undang-undang samada di peringkat penguatkuasaan, pendakwaan dan kehakiman. Justeru, Pihak Berkuasa Agama perlu mengatasi segala kelemahan-kelemahan yang ada dalam peruntukan undang-undang jenayah Syariah yang tidak jelas dan kabur agar pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah selari dengan prinsip-prinsip yang digariskan oleh Islam serta menangkis persepsi negatif masyarakat. Artikel ini bertujuan membincangkan tafsiran peruntukan kesalahan bersekediaman yang terdapat dalam Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991.

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA

Setiap orang Islam di Malaysia perlu mematuhi segala undang-undang yang telah digubal oleh pemerintah. Masyarakat Islam di Malaysia perlu patuh samada undang-undang sivil yang digubal oleh Kerajaan Persekutuan seperti Kanun Keseksaan (Akta 574) ataupun undang-undang Syariah yang digubal oleh Kerajaan Negeri. Penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah merujuk kepada pelaksanaan mana-mana peruntukan yang terdapat dalam mana-mana undang-undang Islam bertulis oleh Pegawai Penguatkuasa Agama yang berbidang kuasa (Siti Rahmaniah Bachok 2010) termasuk enakmen kesalahan jenayah Syariah yang terdapat di negeri-negeri (Siti Zubaidah 2008; Siti Zubaidah Ismail 2016).

Kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang Jenayah di Malaysia dikategorikan kepada beberapa kategori. Kesalahan dikategorikan sebagai kesalahan berkaitan akidah, kesalahan berkaitan kesucian agama Islam dan institusinya, kesalahan berkaitan Rukun Islam, Arak, Judi dan kesusilaan, kesalahan seksual, kesalahan berhubung dengan kesejahteraan orang lain, kesalahan pelbagai dan kesalahan matrimoni (Jasri Jamal & Hasniza Hashim 2014; Musa Awang 2015). Pelbagai cabaran dan dugaan dihadapi oleh Pihak Berkuasa Agama dalam menjalankan tugas ketika menguatkuasakan kesalahan di bawah enakmen jenayah Syariah kerana kebanyakan kesalahan adalah berkaitan dengan moral dan akhlak yang berlaku dalam kalangan

masyarakat. Segala tindakan perlu dilakukan dengan berhemah dan berhati-hati mengikut prosedur yang ditetapkan (Ibrahim Deris & Hanifah Haidar 2015; Musa Awang; 2015). Imej penguatkuasaan boleh terjejas sekiranya Pihak Berkuasa Agama tidak mengendalikan Orang Yang Disyaki dengan cara beradab, memelihara aib dan maruah mereka (Daud Muhammad 2015).

Dari aspek hukuman, undang-undang jenayah Islam adalah melibatkan hukuman hudud, qisas, diyat dan takzir berlandaskan syariat bersumberkan Al-Quran dan Hadis. Hukuman-hukuman yang dijalankan bagi menjaga kemaslahatan manusia (Zulkifly Muda 2010) dan untuk mencapai Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan, dan menjaga harta (Abd Qadir Awdah, tt). Bagi hukuman undang-undang jenayah Syariah di Malaysia, hukuman yang ditetapkan adalah merupakan hukuman berbentuk takzir (Jasri Jamal 2014; Jasri Jamal & Hasnizam Hashim 2014; Siti Zubaidah Ismail 2014; Daud Muhammad 2015). Kadar hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah Syariah adalah mengikut peruntukan yang ditetapkan oleh negeri-negeri. Namun, hukuman adalah tertakluk kepada had maksima iaitu tidak melebihi tiga tahun penjara, lima ribu ringgit denda ataupun enam kali sebatan sepertimana yang telah digariskan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984.

KEPERLUAN TAFSIRAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH

Tafsiran bagi memahami maksud-maksud dan terma yang digunakan dalam peruntukan undang-undang jenayah Syariah adalah perlu disebabkan oleh;

KEKABURAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH

Sesuatu peruntukan undang-undang perlu dinyatakan dengan jelas dan terperinci. Ini bagi menjelaskan maksud-maksud yang terdapat dalam peruntukan serta tujuan sesuatu undang-undang digubal. Peruntukan yang terdapat dalam undang-undang jenayah Syariah hanya menyatakan secara umum sahaja (Jasri Jamal; 2014; Azizah Mat Rashid et al.2015), kabur dan tidak jelas (Mohamad Azri & Mohd Al Adib, 2017). Peruntukan sedia ada dalam enakmenjenayah Syariah tidak menerangkan dengan lebih lanjut elemen, definisi dan maksud kesalahan

tersebut berbanding dengan Kanun Keseksaan yang mempunyai huraian termasuk definisi, contoh dan sebagainya. Peruntukan yang kabur dan tidak jelas menyukarkan tindakan penguatkuasaan dijalankan secara berkesan serta berlakunya kekeliruan bukan sahaja kepada pengamal undang-undang, malah turut memberikan kekeliruan kepada masyarakat. Matan atau teks yang digunakan dalam peruntukan bersifat umum dan membuka ruang kepada tafsiran yang lebih luas serta memberikan kefahaman yang berbeza.

Selain itu, undang-undang jenayah Syariah di Malaysia bersifat substantif (Musa Awang, 2015) yang memerlukan suatu sistem atau prosedur bagi menyokong pelaksanaannya supaya keadilan dapat ditegakkan yang meliputi setiap peringkat iaitu penguatkuasaan, pendakwaan serta mahkamah (Siti Zubaidah Ismail, 2014). Walaupun telah wujud enakmen tatacara yang menyokong pelaksanaan enakmen jenayah Syariah, namun, ia dilihat hanya setakat undang-undang berbentuk kaedah sahaja melibatkan tatacara bagi penyiasatan, pendakwaan dan perbicaraan tetapi tidak menjelaskan maksud-maksud sebenar kehendak peruntukan yang terdapat dalam enakmen jenayah Syariah. Undang-undang substantif yang kabur akan menimbulkan kekeliruan kepada pihak berkuasa yang menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan sama ada di peringkat siasatan ataupun pendakwaan. Peruntukan yang bermasalah dari segi tafsiran akan menjejaskan proses penguatkuasaan dan perlu digubal semula oleh pihak berkuasa.

PERBEZAAN LATAR BELAKANG PENGAMAL UNDANG-UNDANG

Setiap pelaksanaan undang-undang memerlukan pengetahuan dan kefahaman oleh perlaksananya. Dalam pelaksanaannya undang-undang jenayah Syariah di Malaysia, pihak-pihak yang terlibat mempunyai latar belakang yang berbeza. Daripada aspek penguatkuasaan, Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Agama yang bertanggungjawab merupakan mereka yang dilantik daripada kalangan pegawai Skim Hal Ehwal Islam dalam pelbagai bidang agama seperti Dakwah, Quran dan Syariah dan tidak mensyaratkan mempunyai latarbelakang undang-undang. Oleh yang demikian, pemahaman terhadap peruntukan undang-undang berkaitan dengan jenayah Syariah tidak dapat dikuasai dengan baik. Perkara ini menyebabkan perbezaan kefahaman dalam mentafsirkan undang-undang kerana peruntukan dirangka dengan terma-terma

perundangan yang mempunyai maksud atau tafsiran yang tertentu. Pegawai Penguatkuasa Agama juga cenderung membuat interpretasi serta kefahaman sendiri dan mewajarkan bahawa perlunya suatu garis panduan diwujudkan yang berbentuk penjelasan agar mudah untuk difahami (Ibrahim Deris & Hanifah Haidar, 2015).

Manakala Pendakwa Syarie dan Hakim Syarie dilantik daripada kalangan Pegawai Syariah yang mempunyai latarbelakang undang-undang. Syarat wajib bagi melantik Pegawai Syariah adalah mempunyai mempunyai latarbelakang undang-undang atau telah mengambil program *Diploma Shariah Law Practice (DSLPL)*, *Diploma in Law and Administration of Islamic Judiciary (DAIJ)* atau Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam (Ibrahim Deris & Hanifah Haidar, 2015). Walaupun Pendakwa Syarie dan Hakim Syarie mempunyai latarbelakang undang-undang, mereka perlu memahami kandungan undang-undang jenayah Syariah bagi mendapatkan gambaran awal, kefahaman serta penjelasan ringkas tentang skop kuasa dan tindakan tentang tugas penguatkuasaan dan pendakwaan undang-undang jenayah Syariah. Permasalahan berhubung tafsiran dan pemakaian undang-undang jenayah Syariah tidak akan timbul sekiranya Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie adalah terlatih dan faham kehendak sesuatu peruntukan yang sedang berkuatkuasa yang menjadi asas dalam tugas seharian dan tidak diperolehi hanya melalui pengalaman dan latihan dalam kerja sahaja. Justeru, Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie perlu mempunyai kefahaman dan terlatih supaya ianya mengikut kehendak undang-undang supaya ianya tidak berbeza dari segi tafsiran dan pemakaiannya.

TAFSIRAN PERUNTUKAN KESALAHAN BERSEKEDIAMAN DALAM ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH NEGERI MELAKA 1991

Bersekediaman merupakan istilah yang digunakan dalam Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991. Negeri Melaka merupakan satu-satunya negeri yang menggunakan istilah bersekediaman. Berbeza dengan negeri lain, istilah khalwat digunakan bagi merujuk kepada kesalahan yang sama. Kesalahan khalwat berlaku apabila seorang lelaki berada bersama-sama dengan seorang perempuan yang bukan mahram di suatu tempat yang tertutup dan tanpa diganggu oleh orang lain dan kedua-duanya

berpeluang untuk melakukan maksiat (Ainul Bashirah et al. 2012). Dalam meneroka maksud peruntukan kesalahan bersekediaman, penulis merujuk peruntukan yang terdapat dalam Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 di bawah Seksyen 53. Perincian kesalahan bagi seksyen tersebut adalah seperti berikut:

Bagi menjelaskan maksud peruntukan ini, temubual bersama Pegawai Penguatkuasa Agama, Pendakwa Syarie dan Hakim Syarie telah dilakukan. Dalam peruntukan kesalahan bersekediaman, terma-terma yang digunakan ialah bersekediaman, berkurung dan bersunyi-sunyian. Aspek pertama dalam menentukan kesalahan ini adalah berdasarkan kepada tempat.

JADUAL 1. Peruntukan undang-undang kesalahan seksyen 53 bersekediaman dalam Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991

| Sub-Seksyen | Kesalahan |
|-------------|---|
| (1) | Seorang lelaki yang didapati bersekediaman atau berkurung atau bersunyi yang mendatangkan syak di mana-mana tempat dengan seorang perempuan yang bukan muhrimnya selain daripada isterinya adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut bolehlah dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada tiga ribu ringgit atau di penjara selama tempoh tidak melebihi dari dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali. |
| (2) | Seseorang perempuan yang didapati bersekediaman atau berkurung atau bersunyi yang mendatangkan syak di mana-mana tempat dengan seorang lelaki yang bukan muhrimnya selain daripada suaminya adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut bolehlah dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali. |

Sumber: Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991

Dalam menjalankan tindakan penguatkuasaan kesalahan bersekediaman, kesalahan berlaku apabila pasangan lelaki dan perempuan tinggal atau duduk sekali dalam satu rumah (Mohamad Salihin Ahmad Mustafa 2019; Aminah Daud 2019; Rahimin Bani 2019; Mohd Azimaruddin Abd. Zain 2019; Yusida Yusof 2019; Mohd Zakir Darus 2019) tanpa ikatan yang sah di sisi syarak. Perbuatan bersekediaman dianggap berlaku sekiranya terdapat bukti-bukti seseorang itu tinggal atau duduk di situ seperti terdapat barang-barang atau pakaian dalam kuantiti yang banyak (Mohamad Salihin Ahmad Mustafa 2019; Rasida Mohamed Lasin 2019). Sebagai contoh, jika pemeriksaan dilakukan didapati barang-barang atau pakaian milik pasangan tersebut dalam kuantiti yang banyak dan pemeriksaan mendapati mereka bukan suami-isteri yang sah dan bukan mahram, maka, pasangan tersebut boleh ditangkap kerana melakukan kesalahan bersekediaman.

Kesalahan berkurung berbeza dengan kesalahan bersekediaman dalam aspek tempat, di mana bersekediaman dalam skop yang lebih luas, manakala, berkurung dalam skop yang lebih kecil. Bagi kesalahan berkurung, tempat berlaku perbuatan tersebut adalah tempat atau ruang yang lebih kecil (Aminah Daud 2019; Mohd Azimaruddin 2019; Mohd Nadzri Abd. Rahman 2019) daripada rumah seumpama bilik-bilik seperti hotel, stor, bilik sewa, pejabat, tandas awam, pejabat ataupun dalam kereta. Selain itu, elemen ini diperkuatkan

lagi dengan keadaan tempat tersebut adalah dalam keadaan tertutup atau terkurung yang menghalang pandangan orang lain daripada nampak dan bimbang berlakunya maksiat (Mohamad Salihin Ahmad Mustafa 2019; Rasida Mohamaed Lasin 2019; Mohd Zakir Darus 2019; Mohd Rafeie Zasari 2019). Justeru, elemen tempat terkurung ini penting dalam mensabitkan kesalahan terhadap Orang Yang Disyaki selain daripada elemen pasangan lelaki dan perempuan tidak mempunyai ikatan yang sah di sisi syarak.

Bagi kesalahan bersunyi-sunyian, tempat berlaku perbuatan atau kesalahan tersebut adalah di tempat terbuka. Tidak hanya sekadar perbuatan maksiat berlaku di tempat terbuka (Mohd Rafeie Zasari 2019; Mohd Zakir Darus 2019), namun diperkuatkan dengan tempat ini jauh daripada orang ramai lalu-lalang, tempat tiada orang atau sunyi, di mana orang tidak dapat lihat atau dengar apa yang berlaku (Yusida Yusof 2019; Mohd Zakir Darus 2019; Rasida Mohamed Lasin 2019; Mohammad Khalid Shae 2019). Selain itu, jika pemeriksaan dijalankan pada waktu malam, diperkuatkan dengan keadaan tempat yang gelap dan tersorok (Yusida Yusof 2019; Mohamad Salihin Ahmad Mustafa 2019; Rasida Mohamed Lasin 2019; Mohd Rafeie Zasari 2019). Sebagai contoh, jika pasangan yang bukan mahram berdua-dua di dalam kebun atau semak, timbul syak berlakunya maksiat, maka, kesalahan bersunyi-sunyian di bawah peruntukan

ini boleh dikenakan sekalipun pasangan bukan di tempat yang tertutup ataupun terkurung dan tempat tersebut adalah jauh daripada pandangan orang ramai. Sekiranya tempat tersebut terbuka dan merupakan laluan serta kunjungan orang ramai, maka, adalah lebih praktikal kesalahan tersebut di bawah peruntukan berkaitan perbuatan tak sopan di tempat awam dan bukannya di bawah kesalahan bersunyi-sunyian.

Aspek kedua yang dilihat bagi kesalahan di bawah peruntukan bersekediaman ialah berkaitan tempoh masa. Bagi perbuatan bersekediaman, tempoh masa perbuatan tersebut berlaku adalah dalam tempoh masa yang lama. Tempoh masa yang lama menunjukkan pasangan duduk atau tinggal lebih daripada sehari atau dua hari ataupun memakan masa berminggu-minggu atau berbulan-bulan seolah-olah hidup sebagai pasangan suami-isteri (Yusida Yusof 2019; Mohd Rafeaie Zasari 2019). Perbuatan bersekediaman perlu disokong dengan keterangan lain seperti saksi daripada mana-mana pihak yang mengetahui pasangan tinggal dalam suatu tempoh yang lama selain bukti-bukti lain seperti pakaian dan barang-barang yang terdapat di dalam rumah (Mohamad Salihin Ahmad Mustafa 2019; Rasida Mohamed Lasin 2019). Manakala bagi kesalahan berkurung atau bersunyi-sunyian, perbuatan pasangan berlaku dalam jangka masa yang sekejap ataupun singkat. Pasangan mungkin mengambil masa dalam tempoh semalaman atau lebih kurang 24 jam (Yusida Yusof 2019; Rahimin Bani 2019; Mohd Rafeaie Zasari 2019) yang menunjukkan pasangan tidak tinggal atau duduk di situ dalam suatu jangka masa yang lama. Sebagai contoh, perbuatan berkurung tertumpu kepada

pasangan yang bukan mahram yang menginap di bilik-bilik hotel manakala perbuatan bersunyi-sunyian seperti dalam kereta atau semak dalam suatu masa yang sekejap atau singkat.

Perbuatan bersekediaman, berkurung dan bersunyi-sunyian juga dilihat daripada skop perbuatan. Dalam peruntukan di bawah kesalahan bersekediaman, elemen perbuatan mendatangkan syak merupakan suatu elemen yang perlu dibuktikan. Temubual yang dijalankan mendapati, elemen mendatangkan syak merujuk kepada perbuatan maksiat (Rahimin Bani 2019; Che Zamzam Che Man 2019; Mohd Rafeaie Zasari 2019) dan tidak bermoral (Mohd Rafeaie Zasari 2019; Aminah Daud 2019; Rasida Mohamaed Lasin & Mohd Zakir Darus 2019; Mohd Nadzri Abd. Rahman 2019). Masyarakat cenderung untuk melaporkan kesalahan bersekediaman kerana timbulnya syak bahawa berlakunya maksiat dan tidak bermoral di antara pasangan lelaki dan perempuan yang bukan mahram dalam suatu tempat seperti rumah, bilik ataupun di tempat-tempat sunyi. Perbuatan-perbuatan maksiat dan tidak bermoral adalah seperti melakukan hubungan seks, bercium-ciuman, bercumbu-cumbuan atau apa-apa sahaja yang dianggap bertentangan dengan nilai, moral dan akhlak dalam kalangan masyarakat Islam. Justeru, dalam menjalankan tugas penguatkuasaan dan pendakwaan, elemen mendatangkan syak perlu dibuktikan bagi memastikan Orang Yang Disyaki boleh disabitkan melakukan kesalahan di bawah peruntukan bersekediaman dalam Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991.

Berdasarkan temubual yang dijalankan, penulis melakukan rumusan seperti dalam jadual di bawah:

JADUAL 2. Perbezaan terma bersekediaman, berkurung dan bersunyi-sunyian di bawah Seksyen 53 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991

| Kesalahan | Tempat | Tempoh Masa | Perbuatan |
|------------------|---|-------------|----------------------------|
| Bersekediaman | Rumah | Lama | Maksiat dan tidak bermoral |
| Berkurung | Ruang lebih kecil & Tertutup | Sekejap | |
| Bersunyi-sunyian | Tempat Terbuka, Jauh daripada orang ramai, sunyi, gelap | Sekejap | |

Sumber: Temubual Pegawai Penguatkuasa Agama, Pendakwa Syarie dan Hakim Syarie Negeri Melaka (2019)

Jadual 2 menjelaskan tentang rumusan penulis daripada temubual yang dijalankan terhadap Pegawai Penguatkuasa Agama, Pendakwa Syarie dan Hakim Syarie Negeri Melaka dalam meneroka maksud-maksud terma dan elemen-elemen yang terdapat dalam peruntukan kesalahan di bawah Seksyen 53 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991.

Terdapat 3 tema utama dalam menjelaskan tafsiran peruntukan kesalahan bersekediaman iaitu tempat, tempoh masa dan perbuatan. Tempat bagi kesalahan bersekediaman adalah merujuk kepada rumah dan berlaku dalam tempoh masa yang lama. Bagi kesalahan berkurung, berlaku dalam ruang yang lebih kecil, tertutup dan dalam tempoh masa yang

sekejap. Manakala kesalahan bersunyi-sunyian, berlaku di tempat terbuka, jauh daripada orang ramai, gelap (waktu malam) dan dalam tempoh yang sekejap. Bagi terma mendatangkan syak, ketiga-tiga kesalahan (bersekediaman, berkurung dan bersunyi-sunyian) adalah merujuk kepada perbuatan maksiat dan tidak bermoral yang berlaku di antara pasangan lelaki dan perempuan yang tidak mempunyai ikatan sah di sisi syarak. Justeru, ketiga-tiga terma yang digunakan mempunyai tafsiran dan elemen-elemen tersendiri dalam membentuk kesalahan.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, terdapat 2 sebab perlunya tafsiran peruntukan undang-undang jenayah Syariah yang berkuatkuasa di negeri-negeri. Peruntukan undang-undang yang kabur dan pelbagai latarbelakang pengamal undang-undang menyebabkan perlunya kepada tafsiran peruntukan kesalahan. Bagi kesalahan bersekediaman yang terdapat dalam Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991. Istilah bersekediaman, berkurung dan bersunyi-sunyian mempunyai makna dan maksud tersendiri serta elemen-elemen yang berbeza dalam membentuk kesalahan. Usaha-usaha memberikan tafsiran dan pemahaman yang sama dalam kalangan pengamal undang-undang perlu bagi memastikan sesuatu kesalahan itu dapat disabitkan di Mahkamah Syariah dan memastikan peruntukan tersebut kekal relevan dan boleh digunapakai. Selain itu, dapat mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat dan pengamal undang-undang serta menganggap peruntukan kesalahan sebagai lemah dan tidak berfungsi. Dengan tafsiran dan kefahaman yang sama di antara Pegawai Penguatkuasa Agama, Pendakwa Syarie dan Hakim Syarie akan dapat membantu pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah dijalankan dengan lebih baik dan berkesan. Kajian lanjut boleh dibuat bagi tafsiran kesalahan-kesalahan lain yang terdapat dalam peruntukan undang-undang jenayah syariah di Malaysia.

PENGHARGAAN

Penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana membiayai makalah penyelidikan ini di bawah geran penyelidikan FRGS/1/2016/SS103/UKM/02/4.

RUJUKAN

- Abd al-Qadir Audah. t. th. *Al-tasyri' al-jana'iy al-Islamiyy muqarinan bi al-qanun al-wada'i*. Lubnan: Dar al-katiba al-‘aza.
- Ainul Bashirah Ismail, Zuliza Mohd Kusrin & Mat Noor Mat Zain. 2012. Kesalahan khalwat dan perbuatan tidak sopan dan hukumannya menurut Islam. *Jurnal Hadhari* 4(2): 65-88.
- Alias Azhar & Mohammad Azam Hussain. 2012. Perluasan skop undang-undang Islam di Malaysia: Aplikasi dan implikasinya. *Jurnal Syariah* 20(2): 163-184.
- Alias Azhar. 2018. Integrasi hisbah dan dakwah dalam prosedur penguatkuasaan undang-undang kesalahan maksiat dan jenayah khalwat di Malaysia. *Jurnal Hukum dan Pemikiran* 18(1): 119-138.
- Aminah Daud. 2019. Pegawai Penguatkuasa Agama, Jabatan Agama Islam Melaka. Temubual pada 09 April 2019.
- Azizah Mat Rashid et al. 2015. Pendekatan dakwah dalam pelaksanaan undang-undang: kajian terhadap kesalahan berkaitan akhlak di Selangor. Kuala Lumpur: Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2015 (IRSYAD 2015), hlm. 1-12.
- Che Zamzam Che Man. 2019. Pendakwa Syarie, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Melaka. Temubual pada 07 Mei 2019.
- Daud Muhammad. 2015. falsafah pentadbiran keadilan jenayah Syariah: Satu penghayatan semula. *27 Kanun* (1): 7-32.
- Hussin Che Pa et al. 2016. Bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah selepas pindaan Perkara 121(1a) Perlembagaan Persekutuan: Satu penilaian. *Malaysian Journal of Syariah and Law* 3: 1-13.
- Ibrahim Deris & Hanifah Haidar. 2015. Penggunaan garis panduan dan etika dalam penambahbaikan perjalanan penguatkuasaan dan pendakwaan kesalahan Syariah. *27 Kanun* (1): 102-121.
- Jasri Jamal. 2014. Pentadbiran undang-undang jenayah Islam di Malaysia. *Shariah Reports*: cxxxvii- cliv.
- Jasri Jamal & Hasnizam Hashim. 2014. Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan kajian semula terhadap bentuk hukuman bagi kes-kes jenayah Syariah. *Jurnal ‘Ulum Islamiyyah* 12: 87-103.
- Mohamad Azri & Mohd Al Adib Bin Samuri. 2017. Analisis matan undang-undang Syariah negeri berkaitan kesalahan menghina agama Islam di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law* 2(1): 1-30.
- Mohamad Salihin Ahmad Mustafa. 2019. Pegawai Penguatkuasa Agama, Jabatan Agama Islam Melaka. Temubual pada 09 April 2019.
- Mohammad Khalid Shae. 2019. Hakim Syarie, Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Temubual pada 15 Mei 2019.
- Mohd Azimaruddin Abd. Zain. 2019. Pendakwa Syarie, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Melaka,. Temubual pada 23 Mei 2019.
- Mohd Nadzri Abd. Rahman. 2019. Ketua Hakim Syarie, Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Temubual pada 15 Mei 2019.
- Mohd Rafaie Zsari. 2019. Pendakwa Syarie, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Melaka,. Temubual pada 07 Mei 2019.

- Mohd Zakir Darus. 2019. Pegawai Penguatkuasa Agama, Jabatan Agama Islam Melaka. Temubual pada 12 April 2019.
- Musa Awang. 2015. Dimanakah kita dalam pemantapan pentadbiran keadilan Jenayah Syariah?. *27 Kanun* (1): 55-84.
- Paizah Hj Ismail. 2007. Kedudukan Mazhab Syafi’I dalam Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, No. 4: 237-250.
- Rahimin Bani. 2019. Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama, Jabatan Agama Islam Melaka. Temubual pada 11 April 2019.
- Rasida Mohamed Lasin. 2019. Pegawai Penguatkuasa Agama, Jabatan Agama Islam Melaka. Temubual pada 09 April 2019.
- Siti Rahmaniah Bachok. 2010. Pelaksanaan penguatkuasaan kes hamil dan melahirkan anak luar nikah di negeri Melaka dan Negeri Sembilan: Satu kajian bandingan. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Zubaidah Ismail. 2008. Dasar penguatkuasaan dan pendakwaan jenayah Syariah di Malaysia: satu analisis. *Jurnal Syariah* 16 (Keluaran Khas): 537-554.
- Siti Zubaidah Ismail. 2014. Hudud dan undang-undang jenayah Syariah dalam kerangka perlembagaan dan sistem perundangan “dualisme”: Komitmen pelaksanaan ke arah membendung jenayah di Malaysia. *Jurnal Syariah* 22(2): 193-212.
- Siti Zubaidah Ismail. 2016. *Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Salim Syed Shamsuddin & Hasnizam Hashim. 2017. Konsep Pengawasan Moral Dan Hak Asasi Manusia: Tinjauan Mengikut Perundangan Syariah. *Malaysian Journal of Syariah and Law* 6: 114-137.
- Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd. Hisham Mohd. Kamal & Farid Sufian Shuaib. 2005. *Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusida Yusof. 2019. Pegawai Penguatkuasa Agama, Jabatan Agama Islam Melaka. Temubual pada 08 April 2019.
- Yusof Al-Qaradawi. 1998. *Panduan Memahami Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.
- Zulkifli Hasan. 2008. *Isu Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia dan Sejauh Manakah Pelaksanaannya*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Zulkifly Muda. 2010. *The Concept of Crime and Criminal Law in Islam*. Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia: Samasa Press Sdn. Bhd.

Zurul Iman Zakaria
 Pusat Kajian Syariah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43000 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 zizjaim@yahoo.com

Zaini Nasohah
 Pusat Kajian Syariah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43000 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 zbn@ukm.edu.my

SENARAI AKTA/ENAKMEN/ORDINAN
 Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1991